



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA **BAHAGIAN PESURUHJAYA SUMPAAH**

PANDUAN PERMOHONAN SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAAH

Permohonan sebagai Pesuruhjaya Sumpah diproses mengikut tiga jenis kategori iaitu:

- A. Peguambela & Peguamcara;
- B. Pegawai Awam; atau
- C. Persendirian

Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang 1, Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 dan dikepilkan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut kategori yang telah dinyatakan.

1. Bagi permohonan kategori **PEGUAMBELA & PEGUAMCARA**, dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:
 - (a) Empat keping gambar berukuran pasport (*berwarna*);
 - (b) Satu salinan kad pengenalan;
 - (c) Satu salinan Sijil LLB;
 - (d) Satu salinan Perintah Diterima Masuk Sebagai Peguambela & Peguamcara;
 - (e) Satu salinan Sijil Amalan Guaman pertama dan terkini;
 - (f) Satu salinan Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (g) Dua Perakuan Kelakuan Baik (*Perakuan ini perlulah yang asal dan dibuat dalam tahun permohonan dibuat*)
 - Perakuan Kelakuan Baik daripada Majlis Peguam
 - Perakuan Kelakuan Baik daripada seorang Peguambela & Peguamcara yang telah beramal sekurang-kurangnya selama 10 tahun;
 - (h) Satu salinan pengesahan rasmi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia bahawa pemohon tidak pernah dihukum bankrap;

2. Bagi permohonan kategori **PEGAWAI AWAM**, dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:

- (a) Empat keping gambar berukuran pasport (*berwarna*);
- (b) Satu salinan kad pengenalan;
- (c) Satu salinan Sijil Pelajaran Malaysia;
- (d) Satu salinan surat pengesahan jawatan;
- (e) Dua Perakuan Kelakuan Baik (*Perakuan ini perlulah yang asal dan dibuat dalam tahun permohonan dibuat*)
 - Perakuan Kelakuan Baik daripada Ketua Jabatan semasa
 - Perakuan Kelakuan Baik daripada seorang Pegawai Kerajaan yang telah disahkan jawatan dan lebih kanan daripada pemohon;
- (f) Satu salinan pengesahan rasmi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia bahawa pemohon tidak pernah dihukum bankrap

PERHATIAN: PERMOHONAN BAGI PEGAWAI AWAM HENDAKLAH DIBUAT MELALUI KETUA JABATAN

3. Bagi permohonan kategori **ORANG PERSENDIRIAN**, dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:

- (a) Empat keping gambar berukuran pasport (*berwarna*);
- (b) Satu salinan kad pengenalan;
- (c) Satu salinan Sijil Pelajaran Malaysia;
- (d) Dua Perakuan Kelakuan Baik (*Perakuan ini perlulah yang asal dan dibuat dalam tahun permohonan dibuat*)
 - Perakuan Kelakuan Baik daripada Pegawai Awam/Eksekutif Swasta Gred A;
- (e) Satu salinan pengesahan rasmi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia bahawa pemohon tidak pernah dihukum bankrap

Kesemua permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Bahagian Pesuruhjaya Sumpah, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Aras 1 (Selatan),
Bangunan Annexe, Istana Kehakiman, Presint 3, 63506 Putrajaya**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai permohonan, sila hubungi talian berikut:

Tel: 03-8880 3500 / 03-8880 9503 / 03-8880 4040

SILA AMBIL MAKLUM BAHAWA BAYARAN BAGI PEMOHON KATEGORI PEGUAMBELA & PEGUAMCARA DAN KATEGORI ORANG PERSENDIRIAN HANYA PERLU DIJELASKAN SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN.